

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : HARIAN METRO (Tengah)

TARIKH: 13 OKTOBER 2017

M/S : 38

RM700j naik taraf infrastruktur bandar Petaling Jaya

Kuala Lumpur: Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meluluskan RM700 juta dalam Bajet 2018 untuk menaik taraf kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik kepada penduduk Petaling Jaya. Datuk Bandar Petaling Jaya Datuk Mohd Azizi Mohd Zain berkata, bajet tertinggi yang diluluskan Majlis akan digunakan untuk menaik taraf jalan, sistem saliran, kebersihan, keselamatan dan perkhidmatan.

HARIAN METRO

Siti Fatimah Nasir
am@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Dalam usaha menangani isu halangan lalu lintas, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mempergiatkan pemantauan dengan memasang 12 kamera litar tertutup (CCTV) di sekitar pusat bandar, baru-baru ini.

Datuk Bandar Petaling Jaya Datuk Mohd Azizi Mohd Zain berkata, pemasangan CCTV bersama pembesar suara adalah langkah baru MBPJ dalam memastikan aliran trafik di sekitar bandar raya berjalan lancar sekali gus menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar pintar.

“Pihak majlis mengambil inisiatif memasang 12 CCTV baru bersama alat pembesar suara bagi menangani halangan trafik terutama membabitkan parkir bertindih.

“Pemantauan CCTV dijalankan setiap satu jam dan akan berterusan pada waktu puncak yang mana anggota



MOHD Azizi (tengah) bersama anggota penguat kuasa unit CCTV MBPJ memantau sekitar bandar melalui CCTV.

■ MBPJ pasang 12 CCTV berserta pembesar suara tangani aliran trafik terutama waktu puncak

penguat kuasa dari unit CCTV di Menara MBPJ akan memberi arahan terus menggunakan pembesar suara ke kawasan berkenaan,” katanya.

Katanya, kaedah yang di-

gunakan itu dilihat berkesan dalam mengurangkan kesalihan trafik di pusat bandar.

“Setakat Februari lalu, sebanyak 1,295 kenderaan yang menghalang lalu lintas

segera mengalihkan kenderaan mereka selepas mendengar arahan yang dikeluarkan pihak penguat kuasa MBPJ melalui pembesar suara di CCTV ini,” katanya.